

No. Kontrak : TNB 404/2023  
Tarikh : 23 Disember 2022

**PENGARAH SYARIKAT  
INSPIRASI UKUR SDN. BHD  
3053981**

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan

**PELANTIKAN SYARIKAT SEBAGAI KONTRAKTOR KERJA/PERKHIDMATAN BUMIPUTERA TNB BAGI SKOP KERJA KPB UMAP KUALA LUMPUR, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, PERAK**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Tenaga Nasional Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "TNB") telah bersetuju untuk melantik syarikat Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sebagai **Kontraktor Kerja/Perkhidmatan Bumiputera TNB** bagi skop kerja **KPB UMAP KUALA LUMPUR, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, PERAK**.
3. Pelantikan sebagai Kontraktor Kerja/Perkhidmatan Bumiputera TNB serta penawaran kontrak ini **sehingga 31/12/2025** berdasarkan terma-terma dan syarat kontrak yang akan ditandatangani oleh pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan bagi skop kerja di atas.
4. TNB berhak untuk melanjutkan tempoh pelantikan dan kontrak ini berdasarkan terma-terma dan syarat kontrak sedia ada tertakluk kepada prestasi 4 & 5 bintang serta tiada isu-isu lain.
5. Pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan perlu memastikan syarat-syarat mandatori pelantikan sentiasa dipatuhi sepanjang tempoh kontrak ini. Syarat-syarat pelantikan adalah seperti berikut:-
  - i. Pendaftaran sebagai vendor TNB mengikut kod bidang pelantikan mestilah masih sah laku dan bertaraf bumiputera.
  - ii. Orang Kompeten mestilah mempunyai pendaftaran yang sah dengan Suruhanjaya Tenaga untuk syarikat Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.
  - iii. Mempunyai peralatan kerja yang telah ditetapkan bagi skop kerja yang dilantik.
  - iv. Mempunyai Kad Kelayakan Teknikal yang ditetapkan.
  - v. Mestilah mengekalkan markah prestasi CASE 4 dan 5 Bintang untuk syarikat sedia ada.
6. Nilai kerja yang ditawarkan tertakluk kepada keperluan TNB dan akan dibayar mengikut kadar harga Senarai Jadual Harga Tetap (SJHT) yang boleh dirujuk dalam Portal Vendor TNB dengan melayari <https://pvt.tnb.com.my>.
7. Pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dikehendaki untuk menandatangani **Surat Jawapan Tawaran dan Integrity Pact** yang dilampirkan bersama surat ini.

Sekian, terima kasih.

**"BETTER. BRIGHTER"**



**Shahzely Zainal Abidin**  
**Head (Cost & Supply Market Intelligence)**  
Bahagian Procurement & Supply Chain,  
Tenaga Nasional Berhad

Rujukan Kami : TNB 404/2023  
Tarikh : 23 Disember 2022

**Head (Cost & Supply Market Intelligence)**  
Bahagian Procurement & Supply Chain, TNB

**SURAT JAWAPAN TAWARAN**

**PELANTIKAN SYARIKAT SEBAGAI KONTRAKTOR KERJA/PERKHIDMATAN BUMIPUTERA TNB BAGI SKOP KERJA KPB UMAP KUALA LUMPUR, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, PERAK**

Saya, mewakili syarikat.....**INSPIRASI UKUR SDN. BHD**..... Nombor Vendor TNB  
.....**3053981**..... dengan ini **bersetuju** untuk menjadi Kontraktor Kerja/Perkhidmatan Bumiputera TNB bagi  
skop kerja **KPB UMAP KUALA LUMPUR, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, PERAK** dan bersetuju dengan  
syarat tawaran seperti yang termaktub dalam surat pelantikan.

Sekian, terima kasih.



.....  
**Nama: ROSLI BIN AB. WAHAB**  
**Jawatan: PENGARAH URUSAN**  
(Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan/Pengarah syarikat)

**Tarikh: 23/12/2022**

**Cop Syarikat**

(mempunyai alamat syarikat)

**INSPIRASI UKUR SDN BHD**  
(Co. No. 1306627-H)  
**Electrical & Mech, Engineering Contractor**  
No. 12 (2nd Floor) Jalan U3/6 (BK)  
Pusat Perniagaan Subang  
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 012-309 6584 / 019-344 5045 (H/P)  
Email : [inspirasiukursdnbhd@gmail.com](mailto:inspirasiukursdnbhd@gmail.com)

\* Lanjutan daripada Perenggan 3 Surat Lantikan di atas, dimaklumkan bahawa Dokumen Kontrak bagi skop kerja ini akan ditandatangani secara *Electronic Signature*. Justeru, sila nyatakan **alamat e-mel** bagi penandatanganan Dokumen Kontrak **yang diberi kuasa oleh syarikat** tuan/puan seperti dibawah :

- 1) E-mel Penandatanganan Utama : [inspirasiukursdnbhd@gmail.com](mailto:inspirasiukursdnbhd@gmail.com).....
- 2) E-mel Penandatanganan Saksi : [yatscan@gmail.com](mailto:yatscan@gmail.com).....



## TENAGA NASIONAL BERHAD INTEGRITY PACT

Mengakui komitmen Tenaga Nasional Berhad (TNB) ke arah memperkasakan etika dalam perniagaan, kami dengan ini berakujanji untuk menjalankan semua urusan bersama TNB dengan penuh integriti dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- 1) Kami akan melaksanakan semua obligasi kontrak secara profesional dan beretika;
- 2) Kami akan mematuhi sepenuhnya kod etika perniagaan TNB serta lain-lain polisi, prosedur dan garis panduan TNB yang berkenaan;
- 3) Kami tidak akan berpakat dengan mana-mana syarikat lain;
- 4) Kami tidak akan mendedahkan sebarang butiran tender/kontrak kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran bertulis TNB;
- 5) Sekiranya mana-mana produk atau sebahagian daripadanya diperolehi daripada pihak ketiga, kami tidak akan menawarkan produk tersebut tanpa mendedahkan pihak ketiga tersebut;
- 6) Kami tidak akan menawarkan atau memberi atau berjanji untuk memberi ganjaran, hadiah, saguhati atau gratifikasi (seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009) kepada mana-mana anggota kerja, ejen atau wakil TNB sebagai balasan kepada sebarang tender/kontrak, pada mana-mana peringkat pelaksanaan tender/kontrak;
- 7) Kami akan segera melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan/atau kepada pegawai atasan TNB sekiranya ada anggota kerja, ejen atau wakil TNB yang meminta sebarang bentuk gratifikasi pada mana-mana peringkat pelaksanaan tender/kontrak; dan
- 8) Kami akan memaklumkan dan memastikan anggota kerja, ejen atau wakil syarikat kami mematuhi semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

Sekiranya kami didapati bersalah melanggar akujanji di atas, atau didapati melakukan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung tender/kontrak ini, kami bersetuju bahawa TNB berhak mengambil tindakan-tindakan berikut terhadap kami:

- 1) Penamatan kontrak serta-merta tanpa sebarang kos, penalti atau liabiliti terhadap TNB; dan/atau
- 2) Menyenyaraihitam syarikat kami dan/atau direktor dari menyertai sebarang aktiviti perolehan TNB di masa akan datang; dan/atau
- 3) Membayar kepada TNB, anggota kerja atau ejennya ke atas sebarang tuntutan, kehilangan atau kerugian yang berlaku akibat daripada salah laku yang dinyatakan di atas.

Bagi pihak

Tandatangan : .....

Nama: **ROSLI BIN AB WAHAB**

No Kad Pengenalan: **580505-04-5153**

Jawatan: **PENGARAH URUSAN**

(Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan/Pengarah syarikat)

Cop Syarikat

**INSPIRASI UKUR SDN BHD**  
(Co. No. 1306627-H)  
**Electrical & Mech, Engineering Contractor**  
No. 12 (2nd Floor) Jalan U3/6 (BK)  
Pusat Perniagaan Subang  
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 012-309 6584 / 019-344 5045 (H/P)  
Email : [inspirasiukursdnbhd@gmail.com](mailto:inspirasiukursdnbhd@gmail.com)